



MUHYIDDIN
Yassin berbual
dengan orang
ramai ketika
meninjau aktiviti
perniagaan
di Medan
Selera Presint
9, Putrajaya.
- FACEBOOK
PERDANA
MENTERI

PM harap peniaga terus cekal

Oleh **MOHAMAD HAFIZ**
YUSOFF BAKRI
hafizyusoff@mediamulia.com

KUALA LUMPUR: Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin berharap peniaga terus cekal menjalani aktiviti mereka terutama dalam tempoh negara mengalami fasa pemulihan pandemik Covid-19.

Beliau yang mengunjungi Medan Selera Presint 9, Putrajaya semalam turut mendoakan agar perniagaan mereka kembali rancak seperti sedia kala.

Katanya, rata-rata peniaga yang ditemui menzahirkan perasaan syukur selepas dapat menjalankan aktiviti perniagaan dan mencari pendapatan

seperti biasa.

“Alhamdulillah, saya dimaklumkan oleh para peniaga di medan selera ini yang bisnes (perniagaan) mereka kini sudah semakin pulih.

“Walaupun jualan agak perlahan berbanding sebelum Covid-19 melanda negara, rata-ratanya bersyukur kerana sudah boleh kembali berniaga dan

mencari pendapatan seperti biasa,” katanya menerusi catatan yang dimuat naik di Facebooknya semalam.

Dalam kunjungan tersebut, Muhyiddin sempat menikmati mi rebus; nasi lemak ayam goreng berempah, tempe dan pisang goreng beserta cili kicap di samping air detoks soda herba.